

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS NEGERI SABAH

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI KHAMIS, 30 NOVEMBER 2023, PUKUL 10:00 PAGI

Bil.12

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- *1. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apa status terkini mewujudkan unit tenaga negeri sebagai Energy Commission of Sabah (ECoS) dalam menggubal dasar pembekalan elektrik Sabah.
- *2. **YB Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapakah peratusan terkini miskin tegar di Sabah dan apakah antara cabaran utama dalam mencapai sasaran kerajaan untuk mensifarkan miskin tegar menjelang hujung tahun 2023.
- *3. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah cadangan pembinaan *intake* baharu ke empangan air Betotan dan Loji Rawatan Air Segaliud akan dilaksanakan.
- *4. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, mengapakah harga ayam sekilo di Sabah RM12.00 berbeza dengan di Semenanjung hanya RM9.40 sedangkan ternakan ayam ada di Sabah.
- *5. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah status terkini pembangunan jelapang padi Kota Belud, khususnya di 5 buah kampung; Kg. Kota Bungan, Kg. Merabau, Kg. Tawadakan, Kg. Tamau dan Kg. Pintasan.
- *6. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjung]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**: -
 - a) bilakah Lapangan Terbang Tawau akan dinaik taraf memandangkan lapangan terbang itu telah lama melebihi kapasiti maksimum; dan
 - b) adakah terdapat sebarang penglibatan (*engagement*) bersama Kementerian Pengangkutan dan apakah hasil atau jawapan yang diterima berkenaan menaikkan taraf tersebut.

- *7. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah tindakan dan penyelesaian Kementerian terhadap Projek Sakit melibatkan pembinaan kompleks sukan di Pekan Tandek, Kota Marudu.
- *8. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah inisiatif atau program-program yang dirancang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk memastikan peniaga kecil di luar bandar mendapat sokongan daripada pihak kerajaan negeri dalam usaha mengembangkan perniagaan mereka.
- *9. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**: -
- a) berapa orangkah pelajar dari daerah Ranau mendapat bantuan BUDI bagi tahun 2022 dan 2023; dan
 - b) berapa buah sekolahkah yang mendapat bantuan BISBAH dan BAGUS di daerah Ranau.
- *10. **YB. Datuk Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah tindakan dan usaha Kementerian untuk memastikan peningkatan kadar cukai seiringan dengan peningkatan perkhidmatan di kawasan Majlis Perbandaran Sandakan memandangkan terdapat rungutan berkenaan kualiti perkhidmatan Majlis Perbandaran Sandakan sebelum ini.
- *11. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah usaha pihak Kementerian untuk bantu mengusahakan semula kawasan padi yang terbiar dalam daerah Papar.
- *12. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah perancangan kerajaan untuk memasukkan kesemua jalan-jalan pertanian kampung di dalam kawal seliaan konsesi jalan-jalan MARRIS.
- *13. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah Majlis Perbandaran Tawau (MPT) bercadang untuk menaikkan kadar taksiran tahun ini dan bilakah semakan terakhir yang telah dijalankan.

- *14. **YB. Datuk Wetrom bin Bahanda [Bandau]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah pihak kementerian mempunyai pelan untuk menaiktaraf jalan ke pusat-pusat pelancongan di kawasan DUN Bandau seperti di Jalan Marudu Bay Eco Tourism, Jalan Kota Syarif Osman, Jalan Walai Tobilung dan Jalan Eko Pelancongan Kg. Simpangan yang mampu memudahkan akses ke pusat-pusat pelancongan ini.
- *15. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah petunjuk asas Jabatan Perangkaan dan kementerian untuk mengkategorikan sesuatu daerah itu sebagai daerah miskin, adakah berdasarkan jumlah senarai miskin tegar dalam sistem E-kasih atau pendapatan per kapita, atau jumlah pendapatan tahunan daerah itu sendiri atau tahap pembangunan infrastruktur awam dan sosial.
- *16. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, adakah cadangan kerajaan untuk membina Klinik Kesihatan Tanjong Aru dan pusat dialisis kerajaan di Tanjong Aru.
- *17. **YB. Datuk Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah perancangan kementerian untuk memastikan pelabur datang dan melabur di Sandakan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan membantu mempertingkatkan kemajuan dan pembangunan Sandakan.
- *18. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah status unjuran keperluan tenaga kerja di Sabah khususnya tenaga mahir sehingga 2030.
- *19. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN: -**
- a) apakah usaha dan program kerajaan dalam menggalakkan belia terutamanya lepasan universiti supaya menjadi usahawan-usahawan; dan
 - b) berapakah jumlah dana telah disediakan tahun ini dan tahun 2024 untuk tujuan ini.
- *20. **YB. Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah perkembangan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang di lancarkan pada Jun 2022.

- *21. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status pemberian “Kad Pengenalan Digital” kepada Pemandang Tanpa Izin (PTI) di Sabah dan apakah tindakan-tindakan telah dilakukan berkenaan perkara ini.
- *22. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah usaha jangka panjang kementerian dalam mengatasi masalah bekalan air yang sering berlaku di Pekan Merotai dan kampung sekitarnya.
- *23. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, bagaimanakah kerajaan dapat menilai keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan penjagaan kesihatan untuk mencapai tahap yang diinginkan, dan apakah rancangan atau strategi jangka panjang dari segi belanjawan kerajaan Sabah dan Persekutuan untuk penjagaan kesihatan dan memastikan pembiayaan yang mampan.
- *24. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah kerajaan bercadang untuk membina kompleks Muaf sebagai pusat sehati bagi membimbing saudara baharu.
- *25. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian melalui penguatkuasaan pihak Majlis Daerah dan Ketua-ketua Kampung dibawah Mahkamah Anak Negeri bagi mengatasi masalah binatang ternakan yang sering berkeliaran dikawasan Pekan dan kampung dalam daerah Kota Belud yang boleh mengakibatkan kemalangan jalanraya dan kerosakkan tanaman penduduk.
- *26. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT: -**
- a) apakah kementerian merancang untuk melaksanakan sepenuhnya Dasar Keterangkuman Gender pada tahun 2024; dan
 - b) adakah peruntukan kewangan khas bagi latihan atau kursus kepada wanita untuk melibatkan diri dalam kepimpinan khususnya di peringkat pembuat keputusan.
- *27. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perancangan jangka panjang bagi memastikan kecukupan bekalan air untuk pembangunan bandar baharu Kalabakan serta keperluan penduduknya.

- *28. **YB. Datuk Jaffari bin Waliem [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, berapakah jumlah Pejabat Pendidikan Daerah yang wujud di Sabah dan berapakah yang mempunyai bangunan sendiri.
- *29. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah usaha pihak Kerajaan Negeri dalam membantu perkhidmatan E-hailing yang mana terdapat banyak aduan dari penyedia perkhidmatan ini berkenaan pendapatan mereka terjejas selepas pandemik.
- *30. **YB. Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah jenis sumber kewangan yang digunakan oleh Majlis Perbandaran Sandakan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat di Daerah Sandakan dalam masa setahun ini, dan berapakah jumlah yang diguna dalam masa tersebut.
- *31. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah strategi Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu-isu permohonan tanah yang telah tertangguh sekian lama untuk dilaksanakan proses pengukuran dan pemilikan geran.
- *32. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, bagaimanakah pihak Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) mempertingkatkan prestasi penggunaan kemudahan awam berikutan pihak MPS telah mengumumkan akan menaikkan cukai pintu pada tahun hadapan.
- *33. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah inisiatif kerajaan sekarang bagi menangani masalah kadar pengangguran dalam kalangan rakyat Sabah dan seterusnya memastikan mereka ini mampu bertahan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.
- *34. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, melalui bajet RM 57 juta yang diperuntukan untuk pembaikan atau penggantian alat ganti seluruh 71 buah loji rawatan bagi tahun 2023, berapakah peruntukan yang akan disalurkan terutamanya khas untuk kawasan Sandakan.
- *35. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status peruntukan RM3 juta untuk menyelesaikan masalah air di Kampus Universiti Malaysia Sabah yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 31 Mei 2023 lalu.

- *36. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, berapakah jumlah penambahan kapasiti loji rawatan air Segaliud bagi menampung keperluan permintaan bekalan air sehingga tahun 2050 dan seterusnya.
- *37. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan insentif galakan pelepasan cukai kepada pemain industri pertanian, terutama pengeluaran padi/beras dan penternakan ruminan di negeri Sabah.
- *38. **YB. Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah pihak kerajaan menyedari bahawa terdapat banyak kerosakan bangunan di perumahan Taman Telipok Ria yang boleh memudaratkan keselamatan penduduk seperti kerosakan pagar laluan kaki lima yang sudah berkarat dan longgar serta pancuran air hujan yang menunggu masa untuk runtuh.
- *39. **YB Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk memberikan pampasan kepada rakyat yang terjejas bukan hanya dari segi kesihatan malah termasuk saluran paip dan tangki air rumah masing-masing yang telah berkarat berikutan isu bekalan air masin di Sandakan yang telah kian lama berlaku.
- *40. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN:-**
- a) apakah masalah sosial yang biasanya terdapat di kawasan-kawasan setinggan seluruh Sabah; dan
 - b) apakah strategi yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengatasi semua masalah tersebut.
- *41. **YB. Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berikutan rancangan kerajaan untuk mengambil alih kawal selia bekalan elektrik bermula tahun depan, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambah penjanaan elektrik di Sabah, terutamanya di Pantai Timur Sabah dan di daerah Sandakan.
- *42. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah pihak kementerian mempunyai pelan tindakan untuk memastikan penyelesaian isu keperluan asas khususnya isu bekalan air bersih di daerah Nabawan yang seringkali terjejas apabila berlakunya bencana alam seperti banjir kilat dan kemarau.

- *43. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah perancangan atau tindakan kerajaan pada masa depan untuk memastikan kecukupan bekalan elektrik di Sandakan dan seluruh Pantai Timur ini.
- *44. **YB. Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah jumlah warga asing yang sudah direkodkan dengan Kad Digital Warga Asing Sabah sejak ia mula dikuatkuasakan.
- *45. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan penjanaan elektrik berdasarkan teknologi hijau.
- *46. **YB. Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah penjelasan berkenaan permohonan tanah orang kampung yang sudah lama mempunyai permohonan tanah (LA) namun tidak diluluskan tapi akhirnya diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu.
- *47. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apa tindakan dan cadangan kementerian bagi memastikan bekalan elektrik di Sabah khususnya di Sandakan tidak lagi menerima catuan bekalan yang menyebabkan kesulitan kepada pengguna.
- *48. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN: -**
- a) agensi atau jabatan manakah yang bertanggungjawab melaksanakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Sabah; dan
 - b) apakah bentuk koordinasi dan kerjasama dengan kerajaan atau agensi Persekutuan berkenaan TKPM ini.
- *49. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah terdapat sebarang jalan penyelesaian atau alternatif untuk menyelesaikan catuan elektrik di seluruh negeri yang kerap berlaku dan mohon disenaraikan penyelesaian jangka pendek, semasa dan jangka panjang yang akan dijalankan untuk menangani isu tersebut.
- *50. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, berapakah peruntukan dalam Belanjawan 2024 agar penyaluran maklumat perhubungan awam Jabatan Air Negeri Sabah berkaitan masalah air di Sabah diperhebatkan.

- *51. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-**
- a) apakah sasaran untuk penanaman Nanas MD2 yang telah diumumkan pada persidangan 23 disember 2020 telah dilaksanakan; dan
 - b) di manakah lokasi penanaman nanas tersebut dan berapa luas tanah telah diusahakan untuk penanaman nanas MD2.
- *52. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah teknologi yang sedia ada atau yang perlu diinovasi dalam pengurusan sampah melibatkan parit dan sungai, terutamanya di kawasan bandar seperti di Penampang dan Kota Kinabalu.
- *53. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status pembinaan *Upper Padas Dam* di Sungai Padas sempadan Daerah Sipitang – Tenom dan apakah faedah dan kebaikan pembinaan ini kepada Kerajaan Negeri serta penduduk Daerah Sipitang.
- *54. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, berapakah peruntukan yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk menyelesaikan masalah banjir yang sering berlaku khususnya di kawasan pedalaman dan apakah perancangan dan tindakan yang diambil oleh kerajaan berhubung permasalahan tersebut.
- *55. **YB. Datuk Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN:-**
- a) apakah status perkampungan Anak Negeri Kg. Sungai Batang, Batu 10 Sandakan; dan
 - b) adakah permit-permit yang telah dikeluarkan pada tahun 2020 sah dan bagaimana hak-hak penduduk asal yang sepatutnya mendapat keutamaan untuk diberikan tapak tetapi masih menumpang di Rumah PPR Gum Gum, Batu 16, Sandakan.
- *56. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah perancangan kerajaan untuk memberikan konsesi Perlombongan kepada syarikat *Government Link Company Sabah (GLC Sabah)* selain memberikan kepada syarikat swasta.

- *57. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah jumlah kutipan cukai jalan melalui JPJ di Sabah setiap tahun oleh Kerajaan Persekutuan.
- *58. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini kerja menaiktaraf Jambatan Bailey Sungai Kinabutan, KM 9.8 jalan Sin On Tiku dan Jambatan Sungai Serudung Jalan Maria, Batu 17, Tawau.
- *59. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah kerajaan bercadang membina bangunan baharu bagi Pejabat Pendidikan Daerah Keningau.
- *60. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, siapakah yang berhak dan di beri kuasa bagi membuat permohonan tanah untuk tujuan perkampungan sama ada individu, Ketua Daerah atau Ketua Kampung.
- * Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.